

## ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Mualim Journal of  
Social Science and Humanities

## CITRA WANITA DALAM NOVEL R.KARTIGESU: 'VAHNATHU VELIGAL'

## WOMEN'S IMAGERY IN R.KARTIGESU'S NOVEL: 'VAHNATHU VELIGAL'

Ravindaran Maraya <sup>1</sup>

Krishnan Maniam <sup>2</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Arts and Social Science, University of Malaya, Malaysia.

Email: [ravindaran.maraya@gmail.com](mailto:ravindaran.maraya@gmail.com)

<sup>2</sup>Associate Professor, Faculty of Arts and Social Science, University of Malaya, Malaysia.

Email: [krishanan@um.edu.my](mailto:krishanan@um.edu.my)

### Abstrak

Novel mencerminkan gaya hidup masyarakat yang membawa nilai-nilai kehidupan. Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana R. Kartigesu, mengetengahkan kritik terhadap kumpulan feminism melalui novel "*Vahnathu Veligal*" di mana kajian dilakukan untuk memahami sifat wanita yang berbeza. Novel ini dipilih untuk kajian ini kerana ia menggambarkan pelbagai watak wanita berdasarkan latar belakang keluarga, gaya hidup, pendidikan dan kecerdasan emosi. Teori feminis digunakan sebagai asas perbincangan yang menumpukan pada perkembangan struktur dan proses pemikiran dari pandangan penulis. Pola perbincangan kajian ini tertumpu kepada jenis-jenis watak wanita, pemikiran watak-watak wanita, wanita sebagai imej keghairaan dan perhubungan dengan kuasa lalaki dan wanita. Kajian ini mendedahkan bahawa gaya hidup wanita sangat dipengaruhi oleh lelaki tanpa mengira tahap hidup mereka.

**KataKunci:** Novel Tamil, feminis, sifat, proses pemikiran dan kritikan

### Abstract

Novels are written in a genre that expresses the lifestyle of a community which carries a set of values. This study is intended to examine R. Kartigesu's novel, a local author who wrote: "*Vahnathu Veligal*" that centre around criticism on feminism group. It is an in-depth study undertaken to understand the different characteristics of women. This novel is chosen as a choice study as it depicts various characters of women based on their family background, lifestyle,

education and emotional intelligence. The feminist theory is used as the base of discussion which focuses on the structural development and thought process from the author's view. This study reveals that the lifestyle of women is heavily influenced by men regardless of the standard of living they are in.

**Keywords:** Tamil novel, feminism, characteristics, thought process and criticism.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 07<sup>th</sup> July 2018, revised 25<sup>th</sup> July 2018, accepted 15<sup>th</sup> August 2018

## Pengenalan

Novel merupakan bentuk rakaman tulisan yang menyentuh tentang perwatakan yang kita sering ketemui dalam kehidupan sehari-hari seseorang. Di samping itu, novel adalah merupakan cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks, yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Pada masa yang sama, novel juga merupakan karya kreatif yang memberi ruang yang luas kepada penulis untuk melukis peristiwa-peristiwa yang timbul dalam pemikirannya atau pengalamannya dengan terperinci dan menarik. Setiap proses penulisan ini mempunyai kedudukan yang tersendiri kerana wujud satu hubungan antara karya kreatif dengan pengaruh daripada zaman (Tamil Kalai Kalanciam, 1950)<sup>1</sup>. Hasil kajian ini bertujuan untuk meneliti gambaran tentang novel hasil nukilan R.Kartigesu (1981)<sup>2</sup> iaitu '*Vahnathu Veligal*'. Tumpuan diberikan terhadap perbincangan gambaran citra wanita dalam novel ini dengan menggunakan pendekatan teori femins sebagai perbincangan.

Selain itu, kajian menelitiankan kedudukan struktur novel R.Kartigesu secara mendalam dan kelebihan berbanding novel-novel Tamil yang lain. Di samping itu, pemikiran yang diutarakan oleh R.Kartigesu berbeza dan unik terhadap imej wanita berbanding dengan penulis sezamannya. Penulis ini mendapat perhatian daripada masyarakat pembaca novel Tamil. Kajian ini dilakukan bersifat intrinsik tetapi hanya memberi tumpuan kepada aspek struktur pembinaan novel dan pemikiran penulis. Menurut Ooi (1996)<sup>3</sup> sejak perkembangan novel di Malaysia, kedudukan wanita dalam kalangan setiap masyarakat sentiasa mendapat pelbagai kritikan terutamnya oleh penulis-penulis lelaki yang mempunyai pandangan yang berbeza berbanding dengan penulis tempatan. Menerusi kajian ini, dapat mengenali perhubungan wanita dengan masyarakat setempat dan juga dapat mencari identiti wanita dalam mobiliti sosial.

## Pencitraan Jenis Watak

Hasil kajian berlandaskan kepada jenis watak wanita yang dicitrakan berdasarkan novel hasilan R. Kartigesu dapat mendedahkan citra wanita berdasarkan pengkategorian jenis watak. Menurut A.Wahab Ali (1956)<sup>4</sup> citra wanita dalam konteks Kesuasteraan Melayu dikategorikan kepada tiga golongan iaitu wanita tradisi, wanita transisi dan wanita moden. Beliau mengkategorikan citra wanita berdasarkan beberapa ciri yang dipamerkan oleh kaum wanita seperti dari aspek pakaian, pendidikan, pengaruh keluarga dan sosial, pergantungan terhadap pihak lelaki serta kebudayaan dan ikatan adat dan agama.

Novel ‘*Vahnathu Veligal*’ merupakan karya yang menggambarkan watak masyarakat India dari segi corak kehidupan, bahasa serta kebudayaan mereka dari tahun 1940-an hingga 1980. Melalui novel ini pengarang cuba menerangkan perjuangan masyarakat Tamil di estet dan penderitaan mereka dalam mengejar impian serta perjuangan untuk mengekalkan identiti mereka sebagai masyarakat diaspora Tamil di Malaysia. Dalam hal ini, kaum wanita memainkan peranan yang amat penting agar tradisi kehidupan nenek moyang mereka di tanah besar India sentiasa diamalkan di Tanah Melayu juga pada masa itu.

Kamalam meruapakan watak utama yang memaparkan beberapa citra wanita melalui jalan cerita dalam novel *Vahnathu Veligal*. Penulis memperlihatkan Kamalam sebagai watak tradisi. Hal ini kerana, watak Kamalam menunjukkan dirinya sebagai wanita yang sangat mementingkan keluarganya. Tindakan Kamalam boleh dilihat melalui tanggungjawab yang dipikul oleh dia dalam menguruskan hal-hal rumah. Walaupun ayah Kamalan iaitu Visualingam meruapakan seorang peniaga yang maju dan terkemuka tetapi tahap pendidikan Kamalan tidak begitu memuaskan.

Selain itu, Kamalam juga mempunyai ciri seoang yang tidak berkematangan. Mengikut huraian A.Wahab Ali (1956)<sup>4</sup> ciri ini juga dikategorikan dalam wanita tradisi. Tindakan Kamalam terhadap suaminya selepas mengetahui niatnya yang mengugut Visualingam untuk mendapat bantuan kewangan untuk belajar di London menyebabkan Kamalam tidak gembira dengan tindakan suaminya. Di samping itu, Kamalam tidak bercakap dengan suaminya selepas kematian anak tunggal mereka. Ketidakrasional Kamalam turut diperlihatkan dalam tindakannya menyerahkan kegadisannya kepada Kunasegaran sebelum berkahwin. Di sini tindakan Kamalam menunjukkan dia tidak memahami kepentingan terhadap kesucian seorang wanita sehingga menyerahkan dirinya kepada Kunasegaran. Tindakan ini menunjukkan diri Kamalam sebagai wanita yang tidak ditahu membezakan baik buruk kepada dirinya.

Kamalam yang menjadi watak utama dalam novel ini terikat rapat dengan wanita tradisi. Menghambakan dirinya dengan tugas dan tanggungjawab kekeluargaan serta memiliki pegangan adat agama yang kukuh serta tidak memiliki pendidikan yang lengkap. Watak-watak wanita lain yang terdapat dalam novel ini juga memperlihatkan keadaan yang hampir sama dengan watak Kamalam. Mereka sering dibataskan dengan urusan kekeluargaan dan terlalu

bergantung kepada lelaki dan tidak begitu berdikari dalam membuat keputusan serta melayari kehidupan dengan bebas.

Indira meruapaka satu lagi watak wanita tradisi yang ditunjukkna dalam novel ini. Indira ditunjukkan sebagai seorang gadis estet yang sanggup menggadaikan maruahnya semata-mata untuk membantu kedudukan keluarga. Tindakan Indira itu menunjukkan seolah-olah tidak begitu rasional semasa mengambil keputusan. Hal ini boleh diperlihat dalam tindakannya semasa merelakan dirinya diperalatkan oleh nafsu kerani Abraham. Demi kepentingan keluarga dan menyelesaikan masalah kewangan yang dialami Indira sanggup menyerahkan dirinya kepada Abraham. Walaupun Indira berpendidikan tetapi dia tidak dapat mengambil keputusan yang rasional dalam hal keluarga sebegini dan menampakan dirinya sebagai gadis lemah dan sangat bergantung kepada pengaruh lelaki.

Watak Vellamal merupakan satu lagi karektor yang menunjukkan ciri-ciri wanita tradisional. Vellamal dilukiskan sebagai wanita yang tidak berpendidikan dan menyara keluarganya di estet. Kehiduapan Vellamal hanya berkisar di sekitar keluarganya. Dia juga diperlihatkan sebagai wanita yang sangat bergantung kepada pihak lelaki. Tindakan dia jelas kelihatan semasa dia didera oleh suaminya dan menerima penderaan suaminya sebagai ketentuan takdir. Walaupun Vellamal mempunyai kebebasan dari segi ekonomi tetapi dia merelakan dirinya diperalatkan oleh suaminya yang sering mabuk. Kehiduapan yang terkongkong oleh adat masyarakat dan tradisi jelas menunjukkan dirinya sebagai wanita yang bercirikan tradisional.

Dalam novel ini, Rani merupakan satu-satunya watak yang memiliki ciri-ciri wanita transisi. Dia dilukiskan sebagai wanita yang berpelajaran dan mempunyai pandangan sendiri semasa berbicara dan juga mengambil tindakan dalam sesuatu perkara. Berbanding dengan watak lain Rani mempunyai ciri-ciri yang mementingkan aspek kebendaan dalam kehidupannya. Ciri-ciri wanita transisi yang ada pada diri Rani menyebabkan dia tidak berani untuk mengubah diri sebagai wanita moden. Hal ini dapat dilihat dalam situasi dimana Rani terpaksa meninggalkan lelaki yang dicintainya iaitu Datuk Kunasegaran dan berkahwin dengan lelaki lain semata-mata untuk menjaga maruah Datuk Kunasegaran yang sebenarnya telah menambat hatinya. Hal ini kerana Datuk Kunasegaras sudah pun berumahtangga sebelum mencintai Rani. Tindakan Rani menjelaskan dimana dia tidak berani untuk menentang tradisi masyarakat India di negara ini iaitu konsep kahwin kedua secara tidak sah. Ini menunjukkan, walaupun Rani seorang wanita yang berpelajaran tetapi dia membiarkan emosinya mendominasikan kerasionalannya demi menjaga nama lelaki yang dicintanya. Dari pandangan R. Kartigesu dapat melihat bahawa, penulis telah melukiskan beberapa ciri wanita tradisional sementara aspek wanita moden. Maka, mengikut pandangan A.Wahab Ali (1956)<sup>4</sup> watak Rani dalam novel ini lebih bercirikan wanita transisi.

## Pola Pemikiran Watak wanita

R. Kartigesu telah meneliti pola-pola pemikiran watak wanita melalui novel ini. Hasil kajian menunjukkan sejauhmanakah penulis dapat melukiskan pemikiran watak wanita dalam novel ini mengikut pendekatan feminism. Siti Aishah Murad (1990)<sup>5</sup> terdapat beberapa ciri imej wanita biasa dalam kehidupan iaitu seperti wanita yang tabah, merana, progresif, tradisional, keras hati, cetek fikiran, rendah moral, putus asa, sabar dan sebagainya. Gambaran pemikiran watak wanita dalam novel ini tidak begitu menepati kehendak golongan feminis kerana penulis lebih mengutamakan penggambaran watak lelaki dalam novel ini. Namun demikian, penulis tetap dapat menonjolkan beberapa citra wanita melalui watak Indira, Kamalam dan Rani.

Watak Indira dalam novel ini digambarkan sebagai watak merana. Indira terpaksa menerima hakikatnya untuk mengorbankan kegadisannya kepada kerani Abraham dan menerima perkara itu seolah-olah sebagai takdir yang tidak dapat diubah. Dia sendiri juga berpendapat pengorbanannya itu sekurang-kurangnya menguntungkan kehidupan keluarganya. Setelah mengetahui kebenaran dimana Indira telah mengadakan hubungn sulit dengan kerani Abraham, ibu bapanya tidak berani untuk mempersoalkan niat dan kesalahan Abraham yang merancang segala angkara itu, malah tuduhan telah dihalakan kepada Indira.

Selain itu, watak Kamalam dilukis sebagai wanita yang merana, sempit fikiran, rendah dari tahap pendidkan dan juga mangsa keadaan cinta seperti Indira. Pada permulaan jalan cerita Kamalam yang mengajar Kunasegaran untuk berucap dalam bahasa Inggeris dan mengajarnya untuk menulis nama dalam bahasa Inggeris. Tetapi setelah Kunasegaran medapat peluang untuk menyambung pelajaran di luar negara, penulis telah menamatkan alam persekolahan Kamalam. Situasi ini menunjukkan Kamlam sebagai wanita yang kurang berpelajaran dalam mobiliti sosial. Di samping itu, watak Kamalam juga digambarkan sebagai watak wanita yang mudah diperalatkan oleh kaum lelaki terutamanya suaminya sendiri iaitu Datuk Kunasegaran untuk mencapai impainnya. Penulis menggunakan pelbagai rasional untuk menjustifikasi tindakan Kunasegaran dalam cerita novel ini. Keadaan Kamalam dalam novel ini, digambarkan sebagai hidup merana dan mengisi kekosongan itu dengan melibatkan diri dalam kegiatan keagamaan selama 30 tahun sehingga meninggal dunia.

Dalam novel '*Vahnathu Veligal*', Rani merupakan satu-satunya watak yang dicipta sebagai wanita yang berpelajaran. Di samping digambarkan sebagai watak wanita terpelajar, Rani juga diselitkan dengan ciri-ciri wanita yang mempunyai pemikiran nilai-nilai moden. Walaupun dia tahu bahawa Kunasegaran sudah berumah tangga tetapi dia tetap menaruh hati dan harapan untuk memiliki kasih sayang Kunasegaran. Walaupun dia sedar perkara sebegini ini bertentangan dengan budaya dan agama tetapi disebabkan pemikirannya lebih kepada wanita moden maka dia menerima situasi tersebut dengan lebih tenang. Namun demikian, sebagai wanita India, pada akhirnya dia bersetuju untuk berkahwin lelaki lain semata-mata untuk menjaga nama baik Datuk Kunasegaran dan mengorbankan cintanya. Rani sanggup melakukan pengorbanan ini dan sanggup merana semata-mata untuk menjaga imej Datuk Kunasegaran

yang dicintainya. Meskipun Rani diperlihatkan sebagai wanita moden yang bebas dan berpelajaran tetapi penulis novel menggambarkan Rani sebagai wanita merana. Secara ringkasnya, watak-watak yang diterapkan oleh penulis dalam novel ini, hampir kesemua watak wanita memiliki citra dan emosi yang merana.

### **Watak Wanita Sebagai Imej Keghairahan**

Dalam bahagian ini R. Kartigesu (1981)<sup>2</sup> menggambarkan bagaimana watak wanita dilihat sebagai bahan erotika. Menurut Hajijah Jais (2000)<sup>6</sup> imej atau citra wanita adalah suatu persoalan yang konvesional yang sukar diubah. Wanita dijadikan sebagai *desire object* yang dibicarakan dengan apa cara sekalipun untuk menunjukkan pengausaan lelaki. Dalam karya ini, R. Kartigesu secara jelas mencipta watak-watak wanita dalam novel ini seolah-olah menepati hujah yang wanita sebagai pelengkap kepada nafsu kelelakian. Ciri ini boleh dilihat melalui watak Indira. Watak Indira ditimbulkan untuk mencerminkan keinginan nafsu Kundan yang mula menunjukkan riak kematangannya. Di samping itu, Rani juga diperalatkan oleh Abraham untuk memenuhi tuntutan nafsunya dimana Indira dijanji akan akan mandapat sejumlah wang untuk memenuhi keperluan keluaraganya yang ada dalam kesempitan wang. Maka penulis secara tidak langsung menerangkan peranan wanita dalam tanggapan lelaki dimana di samping memberi bantuan dalam bentuk kewangan malah secara tersiratnya wanita dilihat sebagai bahan erotika.

Kamalam juga ditunjukkan sebagai watak wanita yang juga manjadi mangsa imej keghairahan iaitu Kunasegaran. Sebelum berkahwin Kunasegaran telah mengadakan hubungan yang rapat dengan Kamalam. Akibat daripada itu, Kamalam telah mengandung dan Kunasegaran telah menggunakan peluang itu mengugut ayah Kamlam untuk menanggung perbelanjaannya untuk menyambung pelajaran di luar negara. Walaupun watak Indira dan Kamalam dilukis mengikut situasi jalan cerita yang berlaian tetapi pemikiran terdapat corak kehidupan mereka adalah hampir sama. Di mana kerani Abraham mendapat kegadisan Indira dengan memberi bantuan kewangan kepada keluarga Indira, manakala Kunasegaran menggunakan Kamalam sebagai alat untuk mengugut ayahanya. Maka kedua-dua wanita ini telah dilihat sebagai imej keghairahan sahaja oleh kaum lelaki.

Jalan cerita novel ini dapat memberi input yang menyokong dengan penindasan yang dilakukan oleh golongan patriarki melalui pelbagai cara seperti diskriminasi, ‘*sexual harassment*’, dominasi dan subordinasi. Penagrang novel ini, masih memperlihatkan kongkongan terhadap imej wanita konvesional dalam memaparkan wanita wanita dalam novel ini.

### **Pola Hubungan Gender**

Penulis turut memberi perhatian terhadap hubungan gender dalam latar masyarakat India di Malaysia melalui novel ini. Dalam konteks kesusateraan moden, perasaan menonjol dan

penghasilan novel adalah aspek perhubungan manusia. Konflik luaran dan dalaman yang ditempuh oleh manusia adalah tercetus daripada perhubungan kuasa dalam pergaulan sehari-hari. Ooi (1996)<sup>3</sup> menyatakan bahawa perhubungan gender sering membawa perasaan kuasa dan persoalan kedudukan serta peranan lelaki mahupun wanita di ruang domestik dan ruang ‘public’. Dalam bahagian ini, penulis R. Kartigesu telah menunjukkan hubungan gender antara wanita dengan lelaki. Namun demikian, hasil daripada kajian ini dapat melihat, R. Kartigesu lebih selesa menggunakan ruang yang tersedia dalam dunia kreatifnya untuk membina jati diri, kendiri dan nilai kaum lelaki berbanding dengan wanita. Isu ini jelas dapat dilihat melalui isu kebergantungan wanita terhadap lelaki. Corak penulisan R. Kartigesu dalam novel ini lebih menampakkan dunia wanita terlalu terikat dengan dunia lelaki sehingga mereka sering diperalatkan untuk mencapai keinginan mereka.

Tindakan kerani Abraham yang memaksa isterinya Indira untuk meminta bantuan kewangan kepada Kunasegaran membuktikan situasi di mana Abraham menggunakan Indira sebagai umpan untuk berhadapan dengan Kunasegaran. Sebagai lelaki, Abraham sepatutnya berjumpa sendiri dengan Kunasegaran tetapi penulis tidak begitu jelas memberikan rasional terhadap tindakan Abraham itu malah menjadikan wanita sebagai alat untuk berbincang dengan pihak lelaki.

Di samping itu, luahan perasaan terhadap watak lelaki dan wanita turut dibincangkan oleh penulis melalui watak Indira. Hal ini nampak secara jelas apabila melihat reaksi ibu bapa yang menerima berita tentang Indira yang berbadan dua. Ibu Indira berleter dan menghalakan kemarahannya terhadap Indira dan sanggup mati daripada mengorbankan maruahnya (Kartigesu, 1981)<sup>2</sup>. Manakala ayahnya pula lebih kepada tingkah laku memencarkan diri. Keadaan yang sama berlaku kepada Kamalam dimana telah mengadakan hubungan sebelum berkahwin dan mengandung. Di sini, ayahnya Visualingam lebih tenang dan mengawal situasi dengan cara yang baik. Tetapi ibunya Annaporani pula agak lebih emotional (Kartigesu, 1981)<sup>2</sup>. Jalan cerita novel ini menunjukkan penulis masih mengikat watak wanita dengan adat yang begitu memuliakan kegadisan dan kesucian. Namun, tindakan Kamalam dan Indira yang sanggup merelakan untuk mengadakan hubungan dengan lelaki secara tersiratnya menggambarkan kini kaum wanita mula beralih kearah kehidupan yang bebas daripada kongkongan budaya.

Kamalam juga dengan yakinkan sanggup mempertahankan tindakannya bersama kekasihnya Kunasegaran kerana kepercayaan yang tinggi ke atas Kunasegaran dan cinta mereka. Selain itu, pergolakan pencitraan wanita turut terpapar daripada cara Kamalam dan Kunasegaran mengahdapi masalah ‘cinta’ dan ‘impian’ mereka (Kartigesu, 1981)<sup>2</sup>. Psikologi dan nada Kunasegaran yang memihak kepada golongan lelaki jelas terpapar dari pembinaan watak wanita dalam novel ini. Di samping itu, watak-watak yang dilukiskan oleh R. Kartigesu juga memperlihatkan ketidakupayaan wanita untuk walaupun dalam sistem kekeluargaan. R. Kartigesu menampilkan citra wanita yang pasif, terikat dan tertandas dalam novel *Vahnathu Veligal*. Dibeberapa bahagian cerita novel, penulis lebih menunjukkan suara ego lelaki melalui watak Kunasegaran. Hal ini boleh diketahui, apabila Kunasegaran berpura-pura menyukai

Kamalam tetapi pada keadaan sebenar dilukiskan sebagai seorang yang cemburu kepada kesenangan dan kemampuan Kamalam untuk bersekolah. Tindakan Kunasegaran menunjukkan seolah-olah ketidakupayaan seorang lelaki yang tidak berusaha sendiri untuk memajukan diri malah mengambil kesempatan untuk memenuhi keperluannya. Kamalam yang lebih bersifat *inferior* dan gagal untuk mempertahankan haknya semasa bercinta dengan Kunasegaran lalu terpaksa untuk mengikuti segala kehendak Kunasegaran sebelum dan selepas berkahwin dengan dia. Selain itu, penulis melihat perhubungan lelaki dan wanita berlangsung dengan paradigma konflik. Wanita diperlihatkan sebagai kalangan yang tertindas di bawah sistem yang ditandai dengan ideologi budaya patriaki. Budaya ini melabelkan wanita itu secara biologinya lemah, sebagai insan yang tidak rasional, lemah lembut, menurut kata dan pasif. Lelaki pula digambarkan dengan ciri-ciri maskulin yang perkasa dan memiliki kuasa untuk menindas golongan wanita dalam pelbagai segi. Ciri -ciri patriakal juga terpapar melalui gambaran suami isteri dalam novel ini khususnya melalui watak Vellamal. Watak Vellamal ditunjukkan sebagai isteri yang lebih bangga dengan penghormatan dan tidak boleh menentang suami. Dia sanggup untuk berkhidmat untuk suaminya dan menjalankan tanggungjawab walaupun pernah dikatakan mayat oleh suaminya. Walaupun suaminya seoarang pendera namun Vellamal sanggup untuk menerima dia dengan menganggap itu adalah takdirnya. Kata-kata yang dikeluarkan oleh suami Vellamal seperti "...dia isteri saya, saya berhak untuk memukul atau membunuh dia! Siapa engkau untuk mempersoalkannya?" (Kartigesu, 1981)<sup>2</sup> jelas menunjukkan keegoan kaum lelaki.

Hasil penulisan R. Kartigesu khusnya novel ini lebih membela kepentingan watak-watak lelaki berbanding watak-watak wanita. Watak lelaki dilihat ditahap yang tinggi di mana segaka kehendak mereka ditunaikan sama ada secara sukarela ataupun dalam bentuk paksaan. Manakala, kedudukan wanita yang memiliki status, kelas atau kuasa yang tinggi dalam sesuatu masyarakat memperlihatkan juga kemampuan seseorang wanita dalam mobiliti sosial serta persamaan hak dan kebebasan tanpa mengira jantina. Walaubagaimana pun, dapat merealisasikan kedudukan watak wanita dalam kalangan sesuatu kumpulan masyarakat yang tidak tidak diberi keutamaan atau penghormatan seperti kaum lelaki.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, ideologi femeinsme memperlihatkan hubungan antara manusia yang seharusnya bergantung kepada paradigma fungsional dan bukannya paradigma konflik. Paradigma fungsional menghargai kulaiti setiap individu dan perlu diberi keutamaan berdasarkan kualiti kehidupan untuk memenuhi kepentingan peribadi seseorang. Tetapi melihat kepada watak-watak wanita dalam novel R. Kartigesu, penulis memilih wanita sebagai golongan yang menjadi pelengkap sahaja kepada kaum lelaki. Wanita pula lebih cenderung kepada watak-watak yang mempunyai ciri-ciri tradisional yang penuh dengan sifat-sifat kewanitaan, lembut dan menurut kata sahaja. Wanita ditunjukkan sebagai insan yang wajar tinggal di rumah dan manjalan kan tanggungjawab rumah sahaja. Watak wanita dalam novel ini dilukiskan sebagai kaum yang masih memerlukan perubahan dari segi corak kehidupan yang masih terkongkong dengan

pengaruh lelaki dalam pelbagai aspek. Penulis lelaki seperti R. Kartigesu juga masih tidak dapat membela kedudukan wanita dalam hasil ciptannya malah perlu adanya situasi yang perlu diteliti supaya kaum wanita di alam realistik tetapi memberi layanan dan hak yang sama seperti lelaki.

## Rujukan

1. *Tamil Kalai Kalanciam*. (1950). Vol XI. Madras: Tamil Valarcik Kalagam.
2. Kartigesu Renggasamy. (1981). *Vahnathu veligal*. Chennai: Mugil Enterprise.
3. Ooi Eng Lye, (1996). *Mutakhir Sharon Ahmad Novels 1980s – 1990s: A Relationship Research of Gender Relation (Novel-novel Mutakhir Sharon Ahmad 1980an-1990an: Satu kajian perhubungan Gender)*. (Bachelor of Arts Thesis). University Science Malaysia, Malaysia.
4. A. Wahab Ali. (1956). *The role of literature in transmitting national values: dalam Literature and Society Cross-cultural Perspectives 11<sup>th</sup> American studies Senirao*. Philippines.
5. Siti Aisah Murad. (1990). *Image of women in Malaysia 70s short stories (Citra wanita dalam cerpen-cerpen Malaysia tahun tujuh puluhan)*. Paperwork of Literature Comparison II Seminar, Literature Faculty University Indonesia, 21-22 December 1,1990.
6. Hajijah Jais. (2000). *Image of women in Sarawak author's work: in image of women Malay literature 1930s – 1990s (Citra wanita dalam karya penulis Sarawak: dalam citra wanita dalam Sastera Melayu 1930-1990)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

### Citation in Malay

Ravindaran Maraya & Krishnan Maniam. (2018). Citra wanita dalam novel R.Kartigesu: ‘vahnathu veligal’. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(4), 277-285.

### Citation in English

Ravindaran Maraya & Krishnan Maniam. (2018). Women's imagery in novel R.Kartigesu: 'vahnathu veligal'. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(4), 277-285.